

## PONDOK SEBAGAI BENTENG AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Mohd Haidhar Kamarzaman,<sup>1</sup> Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman,<sup>2</sup>  
Mohd Sobri Ellias<sup>3</sup>

### Abstrak

Masih ada segelintir dalam kalangan masyarakat Islam yang terpengaruh dengan fahaman Kaum Muda, justeru cenderung memperkecilkan sistem pengajian pondok sebagai aliran yang jumud dan mengekalkan sikap taqlid. Sedangkan pondok merupakan institusi yang berpegang teguh dengan ajaran teras akidah Islam seperti yang terkandung dalam teks-teks karya turath termasuk kitab jawi. Sehubungan itu, perbincangan dalam makalah ini menonjolkan penjelasan para ulama Alam Melayu mengenai kepercayaan yang terseleweng dalam doktrin Wahabi. Huraian para ulama tersebut adalah kurikulum teras dalam sistem pengajian pondok. Berikutan itu, perbincangan dalam makalah ini akhirnya mendapati pondok merupakan institusi penting sebagai benteng akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pengajarannya, institusi bersejarah ini mesti terus dipertahankan dan diperkasakan demi kejernihan pegangan akidah umat Islam.

**Kata kunci:** Ahli Sunnah Wal Jamaah, teks kitab jawi, pondok, benteng akidah, Wahabi

### PONDOK AS AHLI AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH CREEDAL FORTRESS

### Abstract

*There are still a few among the Muslim community influenced by Kaum Muda thought, therefore tend to look down upon pondok education system with a perception of it as a stagnant system that maintain the attitude of taqlid. On the contrary, pondok is an institution that holds on fast to the core teachings of the Islamic creed which is contained in the turath texts, including the jawi book. Therefore, the discussion in this paper highlights clarifications by ulama of the Malay World against errors in Wahhabi doctrines. This explanation by established ulama is indeed the core*

---

<sup>1</sup> Mohd Haidhar Kamarzaman, PhD, Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mel: haidhar@ukm.edu.my.

<sup>2</sup> Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, PhD, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Kampus Kuala Pilah, Negeri Sembilan. E-mel: asyran.safwan@gmail.com.

<sup>3</sup> Mohd Sobri Ellias, PhD, Mudir, Pusat Kecemerlangan Pengajian Islam Baitussaadah, Kota Damansara, Selangor. E-mel: haqir87@gmail.com.

*curriculum within pondok education system. Discussion in this article finally finds that pondok is an important institution as the creedal fortress of Ahli al-Sunnah wa al-Jama‘ah. The lesson is that this historic institution must continue to be defended and strengthened for the sake of the clarity of Muslim creeds.*

**Keywords:** *Ahli al-Sunnah wa al-Jama‘ah, jawi book texts, pondok, creedal fortress, Wahabi*

## **Pendahuluan**

Pendidikan Islam di Malaysia telah melalui tempoh masa yang panjang sejak permulaan kedatangan Islam ke Tanah Melayu bermula Abad ke-12 Masihi lagi sehingga ke hari ini. Sejarah telah merakamkan bahawa pendidikan Islam di Nusantara amnya dan di Malaysia khususnya telah merentasi pelbagai zaman dan mengalami pelbagai bentuk perkembangan yang melibatkan institusi pendidikan Islam. Terdapat pelbagai bentuk pengajian Islam namun institusi pondok dilihat sebagai institusi pengajian Islam yang sangat istimewa dan terbukti mampu menjadi benteng terhadap ketulenan pegangan dan amalan masyarakat Islam di Malaysia.

Berbagai persepsi negatif yang muncul dalam kalangan masyarakat mengenai sistem pendidikan pondok. Ada yang mengatakan sebagai jumud, ketinggalan zaman, bahkan mendakwa tidak membawa sumbangan kepada pembangunan negara. Hal ini beberapa kali pernah dibangkitkan isu, antaranya seperti yang dinyatakan oleh Rahimin Affandi Abd. Rahim sebahagian golongan masyarakat yang terpengaruh dengan fahaman Kaum Muda cenderung menghina pengajian di pondok sebagai sistem yang berpendidikan ala taklid. Bahkan mereka ini juga menghina para ulama pondok dengan pelbagai gelaran dan nama yang mencemarkan Institusi pondok.

Namun, jika dilihat pandangan yang dikemukakan oleh mereka yang pernah secara langsung menimba ilmu menerusi sistem ini atau mereka yang memahami dan mengkaji dengan adil model pengajian Islam yang diamalkan oleh institusi ini, ternyata pendapat ini tidak dipersetujui oleh sebahagian ilmuwan. Seorang pengkaji terkenal sistem pengajian pondok dunia Melayu, Wan Mohd Saghir Abdullah sebagai contoh dalam satu kenyataan bertulis, beliau mengatakan “seindah apapun pendidikan menurut perkembangan zaman namun tiada seindah pendidikan para anbia

dan ulama pewarisnya”<sup>4</sup>. Kenyataan ini cukup untuk memperlihatkan martabat dan kedudukan sistem pengajian pondok.

Menurut Ismail al-Faruqi sejarah Islam telah mencatatkan kemajuan Islam dan pembangunan manusia dalam tamadunnya sesudah kedatangannya pada abad ke tujuh Masihi iaitu pada ketika Nabi sudah diutus menjadi Rasulullah. Kesempurnaan tamadun Islam itu terserlah dari segenap aspek rohani dan fizikalnya atau dengan nama lain aspek pembangunan manusia dan kemajuannya. Sebelum kedatangan tamadun Islam ini telah muncul beberapa tamadun hebat yang lain antaranya seperti Tamadun Rom, Parsi, China, dan India. Walau bagaimanapun kecemerlangan tamadun mereka ini hanya tinggal dalam lakaran sejarah dan manuskrip semata-mata kerana kesemua tamadun ini semuanya telah runtuh dan yang tinggal hanya China dan India sebagai sebuah negara. Begitu juga hakikatnya kecemerlangan tamadun Islam suatu ketika dahulu sangat dikagumi sehingga seluruh dunia tunduk dan mengakui kehebatan Islam<sup>5</sup>.

Walau bagaimanapun Islam dalam suasana hari ini seolah-olahnya menjadi satu virus atau sedang menghadapi keburukan penyakit dalam pembangunan kemanusiaan mereka. Menurut kajian dan laporan Pew Research Centre yang berpusat di Washington, penduduk Islam di seluruh dunia sudah mencapai angka 1.6 bilion orang sekitar tahun 2010 dan dijangka meningkat sehingga 2.2 bilion pada 2030<sup>6</sup>. Walaupun penduduk Islam sudah mencecah angka hampir dua bilion dan mempunyai negara yang terbanyak serta setiap negara mereka kaya-raya, tetapi mereka miskin dalam negara sendiri dari segenap aspek. Mereka menduduki tempat terbawah dalam kalangan bangsa lain di dunia ini. Mereka mengalami kekalahan, dirampas negeri, direndah-rendahkan, dirampas kehidupan dan berbagai-bagai lagi. Mereka ditipu, dihina, dijajah, diugut, ditarik ke dalam agama lain. Mereka disekularkan dan dibaratkan oleh agen dan musuh dari Barat.

<sup>4</sup> Wan Mohd Saghir Abdullah, “Sistem Pengajian Pondok di Nusantara,” (Kertas Kerja Forum Pendidikan Ilmu Tradisi di Nusantara Dunia Melayu, Pesta Buku Antarabangsa, PWTC, 26 Mac 2006), 1.

<sup>5</sup> Ismail Bakar, *Sejarah Tamadun Islam* (Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), 19.

<sup>6</sup> Luis Lugo *et al.*, *The Future of The Global Muslim Population: Projections for 2010-2030* (Washington: Pew Research Center’s Forum on Religion and Public Life, 2011), 10.

Mereka difitnah, dianaya, diburuk-burukkan di hadapan bangsa lain. Malah mereka tidak mampu membangunkan sumber-sumber yang wujud dalam negara mereka sendiri sehingga memerlukan kepada negara Barat untuk membangunkan hasil dalam negara sekalipun untuk kegunaan mereka sendiri. Selain itu mereka juga telah dijajah dan dirosakkan oleh kaum-kaum imperialis sama ada dari sudut pemikiran atau dari sudut fizikal. Mereka dieksplotasi, diancam, dipaksa dan berbagai lagi dalam ruang lingkup agama. Malah mereka juga jauh ketinggalan dari segenap aspek ruang lingkup kemajuan. Mereka menjadi sasaran kebencian bagi setiap bangsa lain di dunia ini tidak kira bagi orang maju maupun mundur, kapitalis maupun Marxis, Barat atau Timur, yang beradab maupun biadap. Dari sudut keduniaan mereka telah lama berabad-abad ketinggalan sama ada dari sudut politik, ekonomi, kemanusiaan atau sosial berbanding dengan tamadun barat yang semakin rakus meratah ilmu dunia. Manakala dari aspek keagamaan, mereka berpecah belah di antara satu sama lain sehingga mendatangkan perperangan, penipuan, penghinaan hatta kepada sesama agama mereka sendiri iaitu Islam<sup>7</sup>.

Sistem pendidikan mereka pula membiakkan penyakit. Sekolah dan kolej mengeluarkan masyarakat yang berasa asing dari Islam dari sudut warisan dan gaya hidup mereka. Sistem pendidikan adalah makmal di mana pemuda Muslim dikerat kepada kesedaran mereka untuk dimodelkan kepada karikatur barat. Sistem pendidikan yang mereka lalui memutuskan hubungan mereka dengan warisan mereka dan tidak memberi peluang untuk mereka belajar warisan datuk nenek mereka kerana sekolah tidak menyediakan pengajian sebegini. Apa yang mereka alami, kemahanuan mereka untuk belajar warisannya sendiri, dan untuk bangkit mewakili Islam, diragukan dan diselewengkan, seterusnya dia menyatakan pendidikan di negara Muslim di mana pada persepsi al-Faruqi, pendidikan di negara Muslim berada pada tahap yang paling buruk dan teruk. Islamisasi tidak pernah berlaku sebelum ini di mana sekolah sekular, tradisional dan kolej tidak berani menonjolkan tema-tema Islamik. Semenjak zaman penjajahan lagi, kolej dan universiti ini memperkenalkan sistem sekular dan mengeluarkan sistem Islam dari institusi berkenaan.

---

<sup>7</sup> Ismail al-Faruqi, *Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan* (Herndon: International Institute of Islamic Thought, 1982), 1.

Pendidikan Islam, kekal menjadi urusan persendirian semata-mata dan terhad kepada kewangan persendirian, di mana kewangan awam diperolehi maka institusi Islam tidak mendapatnya melainkan atas nama modenisme sahaja. Yang biasanya dinamakan atas nama dua kurikulum iaitu kurikulum Islamik dan kurikulum moden. Kemerdekaan nasional memberi sistem pendidikan sekular peluang perkembangan yang besar, dicurahkan kewangan awam kepada pendidikan sekular ini sahaja, atas nama kebangsaan dan patriotisme. Maka Islamisasi ilmu adalah usaha yang sebaiknya untuk menjelaskan visi dalam tuntutan ilmu<sup>8</sup>.

Pendidikan pondok yang telah diterapkan oleh para ulama kita yang terdahulu sebenarnya telah diinspirasikan dengan pendidikan yang diperintahkan oleh Allah dan dilaksanakan oleh Rasulullah. Tujuan pendidikan Islam adalah sebenarnya untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Ilmu yang paling penting adalah ilmu yang menyuburkan dan menyegarkan iman iaitu ilmu dalam mengenal Allah dan Rasul-Nya. Kemudian amalan yang berdasarkan kepada syarat ini akan menghasilkan generasi yang bertakwa kepada Allah dan Rasul-Nya.

### **Latar Belakang Pengajian Pondok**

Perkataan pondok dari sudut bahasa bererti rumah kecil yang didiami oleh seorang atau dua orang. Jika ditinjau dalam istilah orang-orang Melayu Malaysia, ia merupakan suatu kawasan tempat belajar ilmu-ilmu tradisi Islam secara sistem halaqah<sup>9</sup>. Ia dinamakan pondok adalah disebabkan kawasan tempat belajar tersebut berkeluasan antara satu hingga dua ekar, penuh dengan ratusan pondok yang didirikan oleh para pelajar yang ingin memondok di pondok tersebut seolah-olah asrama penuh dan setiap pelajar akan memondok dalam jangka masa yang panjang<sup>10</sup>. Kemudian, sesebuah pondok akan dikenali berdasarkan guru yang mengasaskannya atau ia dinisbahkan kepada nama tempat di mana ia didirikan.

<sup>8</sup> Al-Faruqi, *Islamization of Knowledge*, 5-8.

<sup>9</sup> Wan Hussein @ Azmi Abd Kadir, “Pendidikan Pondok dan Penyediaan Tenaga Ulama,” dalam Ismail Ab Rahman *et al.* (ed.), *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan* (Kuala Terengganu: Kolej Sultan Zainal Abidin, 1993), 48.

<sup>10</sup> *Ibid.*

Di kawasan utara semenanjung tanah air, istilah pondok mempunyai dua maksud; pertama pondok bererti rumah kecil yang dibina untuk penempatan sementara dan kedua ia bererti sebuah institusi pengajian Islam yang berbentuk tradisional dan klasik. Di Malaysia dan Thailand, pondok bererti sebuah institusi pengajian Islam yang bersendirian dan berasrama. Di Jawa, pondok disebut sebagai pesantren, manakala istilah pondok bagi mereka bererti madrasah. Di Minangkabau ia dikenali sebagai surau atau langgar, manakala di Aceh, pondok diistilahkan dengan rangkang, dayah atau rongrang<sup>11</sup>. Menurut Wan Saghir, istilah pendidikan pondok yang terawal dipercayai bermula dari Patani terlebih dahulu berbanding tempat lain termasuk Kemboja dan Jawa<sup>12</sup>. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa sistem pengajian pondok di Kedah, Kelantan dan Terengganu dan tempat-tempat lain di Malaysia mempunyai kaitan sejarah yang begitu rapat dengan pengajian pondok di Patani, Kemboja dan Jawa.

### Sistem Pengajian Pondok

Jika ditelusuri sejarah peradaban Islam, maka didapati bahawa metode pengajaran utama penyampaian ilmu dari satu generasi kepada satu generasi adalah berdasarkan sistem talaqqi<sup>13</sup>. Ia turut dikenali sebagai sistem halaqah<sup>14</sup>. Ia dilakukan dengan cara di mana guru duduk membaca kitab di hadapan manakala para pelajar akan duduk beramai-ramai di hadapannya dengan menadah kitab dan mendengar ilmu yang disampaikan secara langsung oleh guru yang berada di hadapan tersebut. Cara ini merupakan suatu cara yang telah pun ditelusuri oleh pusat-pusat pengajian Islam zaman silam sebelum masyarakat Islam mengenali sistem persekolahan. Sistem ini terbukti berjaya melahirkan generasi para ulama yang pakar dalam bidang ilmu Islam yang pelbagai. Bahkan al-Azhar, sebuah pusat pengajian Islam yang terkemuka dan tertua – dibina sekitar

<sup>11</sup> Nabir Abdullah, “Pondok Education As Indigenous Education” (Kertas Kerja Seminar on Education and Development, 18-20 November 1983, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang), 3. Lihat juga Wan Mohd Saghir Abdullah, “Sistem Pengajian Pondok di Nusantara,” 3.

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> Talaqqi adalah sistem pengajaran secara bersemuka dengan berkitab dan *mushafahah* atau pengajian berhadapan bersama guru.

<sup>14</sup> Halaqah bermaksud sekelompok kecil Muslim yang berjumpa di waktu yang telah ditetapkan mempelajari dan mendalamai ajaran Islam.

tahun 359H – sekalipun telah berkembang menjadi sebuah institusi pengajian yang bertaraf universiti, namun ia masih mengekalkan sistem pengajian ini dalam kalangan para syeikh atau pensyarahnya.

Di Malaysia bahkan di seluruh Nusantara, dahulunya sistem talaqqi atau halaqah ini merupakan suatu sistem yang begitu terkenal dan begitu tersebar dalam kalangan masyarakat Islam. Bahkan, tidak salah jika dikatakan bahawa sistem ini sahajalah yang wujud sebelum sistem persekolahan mula diperkenalkan<sup>15</sup>. Namun sistem ini lebih terkenal dalam kalangan masyarakat Negara kita sebagai sistem pengajian pondok<sup>16</sup>. Selain itu, ia juga dikenali dengan sistem pengajian *umumi* bagi membezakannya dengan sistem pengajian *nizami* yang begitu sinonim dengan sistem pengajian persekolahan. Sistem talaqqi yang diamalkan di dalam institusi pengajian pondok merupakan nadi penghasilan generasi pondok yang berkualiti. Ini kerana, ia bukan hanya menjamin ketulenan ilmu yang disampaikan malah rantaian sanad yang menghubungkan di antara guru dengan guru sehingga ke atas, secara tidak langsung menjadi medium pengaliran keberkatan dari generasi terdahulu kepada generasi terkemudian yang menelusuri kaedah pengajian ini.

Secara umumnya, sistem pengajian talaqqi atau halaqah ini lebih dilihat tidak formal kerana ia dilaksanakan dalam suasana yang biasa tanpa meja dan kerusi dan tanpa pakaian seragam yang khusus seperti yang dilaksanakan di sekolah. Di samping itu, kaedah pengajaran yang dilakukan oleh guru adalah dengan menyampaikan ilmu secara langsung kepada para pelajar iaitu dengan cara guru membaca kitab dan mensyarakannya, sementara para pelajar mendahulukan telinga, sambil mencatat syarah-syarah penting yang diperolehi dari guru pada birai helaian muka

<sup>15</sup> Nornajihan Jaafar *et al.*, “Cabaran Institusi Pendidikan Pondok serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar,” *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 2:6 (2017), 223-235.

<sup>16</sup> Peringkat pertama pendidikan Islam tidak formal hanya dapat dipelajari di surau, masjid dan juga rumah guru. Sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat untuk lebih mendalamai ilmu-ilmu Islam menyebabkan rumah guru terpaksa diperluaskan malah rumah-rumah kecil yang dikenali sebagai pondok turut dibina di sekitar surau, masjid atau rumah guru sendiri untuk menyelesaikan masalah kediaman pelajar khususnya yang datang dari tempat yang jauh. Suasana ini telah melahirkan satu bentuk sistem pengajian baru yang terkenal dengan gelaran sistem pendidikan pondok. Rujuk Abdullah Ishak, *Islam di India, Nusantara dan China* (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1992).

surat bagi kitab yang digunakan. Huraian yang dilakukan oleh guru adalah secara terperinci manakala pembacaan kitab pula dilakukan dari kulit ke kulit; iaitu dengan cara membacanya satu kalimat demi satu kalimat. Sebagai contoh guru menerangkan aspek-aspek nahu, saraf atau asal kalimah, balaghah dan sebagainya. Ini secara tidak langsung membantu para pelajar dalam memahami kitab tersebut dengan kefahaman yang sahih dan terpimpin<sup>17</sup>.

Selain itu, aspek pemeringkatan juga dilakukan dalam sistem ini. Pemeringkatan yang berlaku adalah berdasarkan tahap kitab-kitab yang diajarkan oleh guru, bukan berdasarkan batas umur para pelajar. Ini jelas dapat dilihat berdasarkan kelas-kelas pengajian yang menggunakan kitab yang tinggi perbahasannya hanya dihadiri oleh para pelajar yang telah memondok lama di pondok, manakala para pelajar yang baru akan berada di bawah seliaan kepala mutalaah yang bertanggung jawab mengajarkan ilmu-ilmu asas dan ilmu-ilmu alat kepada mereka bagi memastikan mereka dapat naik kepada peringkat pengajian yang seterusnya. Manakala, sukatan pelajaran yang digunakan pula adalah berdasarkan kitab yang diajarkan mengikut tahap sama ada dalam bahasa ibunda yang dikenali dengan “kitab jawi” mahupun dalam bahasa Arab.

Di samping itu, kaedah menghafal matan juga begitu ditekankan di dalam sistem ini. Para pelajar, khususnya yang berada pada tahap permulaan akan diminta agar menghafal kitab-kitab ilmu yang dikarang secara ringkas dan padat yang dikenali sebagai matan dan juga ringkasan, sama ada dalam bentuk prosa (*nathr*) mahupun puisi (*sha'ir*) seperti matan *al-Ajrumiyyah*, *Izzi*, *Umm al-Barahin*, *Ghayat wa al-Taqrib* dan sebagainya. Ini menjadikan pelajar tersebut mantap kefahamannya dan terjaga lisannya daripada mengeluarkan ibarat-ibarat atau ungkapan-ungkapan sendiri ketika mensyarahkan ilmu yang mereka ambil kepada orang lain kelak. Selain itu, sistem ini juga tidak mensyaratkan pelajar menduduki ujian. Walaupun ujian dari satu sudut adalah penting kerana ia bukan sahaja dilihat sebagai satu bentuk penilaian terhadap kefahaman dan penguasaan pelajar, bahkan juga ia adalah satu bentuk dorongan yang penting ke arah penghasilan ilmu. Namun dari satu sudut yang lain, ketiadaan ujian menjadikan fokus pengajian mereka tidak ditumpukan kepada ujian semata-mata. Ini

---

<sup>17</sup> Normajihan Jaafar *et al.*, “Cabaran Institusi Pendidikan Pondok serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar.”

sekaligus menjadikan niat mereka sentiasa ikhlas dalam penghasilan ilmu<sup>18</sup>.

Manakala, dari sudut mata pelajaran yang diajarkan, untuk tujuan penghasilan produk ulama atau seorang alim yang mampu memahami dan menguasai ilmu-ilmu yang dikarang oleh para ulama terdahulu mahupun masa kini, mata pelajaran yang diajarkan di dalam institusi ini dilihat sebagai lengkap dan mampu merealisasikan tujuan ini. Ini kerana, ia meliputi ilmu-ilmu syarak; seumpama tauhid, fiqh, tasawuf, usul fiqh, sirah, mustalah hadith, tafsir dan hadith; dan juga ilmu-ilmu alat; seumpama nahu, saraf, balaghah, ‘arud dan qawafi. Penguasaan terhadap ilmu-ilmu alat dalam kalangan pelajar adalah aspek yang begitu diberikan penekanan di dalam sistem ini. Oleh itu, tidak hairan jika ditemui ramai dalam kalangan para pelajar yang begitu mantap ilmu alatnya. Hal ini disebabkan ilmu alat adalah suatu cabang ilmu yang amat perlu dikuasai bagi memahami ilmu-ilmu agama yang termaktub di dalam kitab-kitab para ulama khususnya para ulama yang terdahulu. Namun, aspek komunikasi dalam Bahasa Arab tidak begitu diberikan penekanan terhadap para pelajar<sup>19</sup>.

### **Pondok-pondok Terawal di Semenanjung Malaysia**

Antara pondok-pondok yang terawal diasaskan di Kedah sekitar tahun 1850-1890 adalah Pondok Titi Gajah yang didirikan oleh Muhammad Taib, Pondok Langgar yang didirikan oleh Muhammad Nor, Pondok Pulau Pisang yang didirikan oleh Ishak Muhammad Hashim, Pondok Kota Kuala Muda yang didirikan oleh Muhammad Waksa, Pondok Penaga yang didirikan oleh Muhammad Salleh, Pondok Pumpong yang didirikan oleh Muhammad Ali, Pondok Anak bukit yang didirikan oleh Muhammad Tamim dan Pondok Yan yang didirikan oleh Engku Bida‘ul Zaman.

Manakala di Pulau Pinang, antara pondok yang terawal didirikan adalah Madrasah al-Ahmadiah al-Ijtimaiah Padang Lalang (1900M) yang didirikan oleh Haji Muhammad, al-Madrasah

<sup>18</sup> Masyhurah Mohamad Rawi *et al.*, “Institusi Pondok dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia,” *Proceeding The 7th International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Education and Civilization* (Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).

<sup>19</sup> Masyhurah Mohamad Rawi *et al.*, “Institusi Pondok dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia.”

al-Masriah, Bukit Mertajam (1906M) yang didirikan oleh Muhammad Salleh bin Baqi al-Masri, Madrasah Manabiul Ulum (1932M) yang didirikan oleh ‘Uthman Jalaluddin, al-Madrasah al-Khairiah al-Islamiah, Pokok Sena (1933M) yang didirikan oleh Husin bin Mohd Nasir dan Madrasah Irsyad al-Asyrah al-Wataniah, Sungai Bakap (1953M) didirikan oleh Yusof Saad.

Sementara di Kelantan, antara pondok yang terawal didirikan adalah Pondok Kubang Pasu, Pondok Sungai Budur, Pondok Kampung Banggol, Pondok Tuan Padang, Pondok Kampung Semaian, Pondok Pasir Tumboh yang telah didirikan oleh Yunus bin Awang Buang, Pondok Sungai Durian, Kuala Kerai dan Pondok Lubok Tapah, Pasir Mas<sup>20</sup>.

### **Pondok Sebagai Benteng Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Menentang Aliran Menyeleweng**

Islam adalah lambang kesejahteraan umat, yang jika rosaknya Islam itu dengan disebabkan oleh tafsiran kaku lagi jumud pada teksnya, maka rosaklah umatnya. Justeru, satu usaha penjernihan semula yang berterusan sifatnya terhadap pencemaran-pencemaran pemikiran dan kesalahan yang melibatkan kefahaman terhadap teks agama itu sendiri perlu dikemudikan dan dimurnikan oleh para agamawan yang sejahtera akal dan pegangannya. Usaha ini telah terbukti dengan kewujudan sejumlah karya agung khususnya yang telah dihasilkan oleh para ulama pondok, bahkan karya mereka ini telah berjaya memecah kebuntuan serta memberi penjelasan secara lunak terhadap kecelaruan pemikiran yang telah ditimbulkan oleh segolongan manusia yang pada hakikatnya telah memperkenalkan cara-gaya pemikiran jumud yang sebenarnya telah membantut pertumbuhan ilmu dan pemikiran dalam kalangan umat itu sendiri.

Justeru, memandangkan umat Islam di Tanah Melayu telah sebatи dengan manhaj akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah khususnya aliran Asya‘irah, maka terdapat sejumlah hasil karangan para ulama tersebut yang ada menyatakan tentang penolakan serta kritikan terhadap aliran pemikiran yang berseberangan dengannya sekaligus menjadi benteng akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Antaranya adalah wasiat Abdullah Fahim, ‘Uthman Jalaluddin bin Muhammad bin Abdul Samad al-Kelantani menerusi kitabnya *al-Durrah al-*

---

<sup>20</sup> Masyhurah Mohamad Rawi *et al.*, “Institusi Pondok dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia.”

*Nafi‘ah fi Ashrat al-Sa‘ah* dan *Matali‘ al-Anwar wa Majami‘ al-Azhar*, Muhammad Syafi‘i bin Abdullah bin Muhammad bin Ahmad Rangkul, Langgih, Fatani menerusi karangannya *Pelita Penuntut*, Abdul Aziz bin Ismail al-Fatani menerusi kitab beliau *Risalah al-Misbah al-Munir fi Ma‘rifah Allah al-Qadir* dan banyak lagi. Kesemua mereka ini menjelaskan mengenai akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mesti dipegang oleh masyarakat dan menolak sebarang akidah yang memecahbelahkan masyarakat.

Sebagai contoh wasiat yang telah dikeluarkan sendiri oleh Abdullah Fahim seperti berikut:

Tuan-tuan sedia maklum, beratus-ratus tahun bahawa orang bangsa Melayu se-Malaya ini dari peringkat ke bawah hingga peringkat ke atas, awam-awam, qadi-qadi, ulama-ulama, menteri-menteri, hingga raja-raja, sekalian mereka itu bermazhab dengan mazhab al-Imam al-Syafi‘i ijma‘an. Tidak seorang pun yang bermazhab lain daripada mazhab Syafi‘i (*yahram kharq al-ijma‘*) diharamkan merobek ijmak. Ambil mereka itu hukum-hukum fiqh Syafi‘i daripada kitab *Tuhfah*, dan kitab *Nihayah* hingga kitab *al-Umm* dan *mukhtasaratnya* dan terjemahnya kepada bahasa Melayu seperti *Sabil al-Muhtadin*, *Bughyah al-Tullab* dan *Matla‘ al-Badrayn* dan lainnya. Usuluddin atas perjalanan Abi al-Hasan al-Asy‘ari. Diambil dari *syuruh* dan *hawashi Umm al-Barahin* dan *Jawharah* dan sebagainya daripada kitab-kitab Melayu. Ilmu Tasawuf atas perjalanan al-Imam al-Ghazali diambilkan daripada *Minhaj al-‘Abidin*, *Ihya’ Ulum al-Din* dan terjemahnya kepada Bahasa Melayu seperti *Siyar al-Salikin*. Maka ini kitab-kitab dan seumpamanya, segala hukum dalamnya kesemuanya mengistinbat daripada al-Qur'an dan Hadith yang dihalusi dan ditapis oleh ulama-ulama *ajilla‘*, diamal dengan dia sudah lebih daripada seribu tahun dan diterjemah kepada bahasa Melayu beratus-ratus tahun<sup>21</sup>.

Bahkan Abdullah Fahim telah mengecam Ibn al-Qayyim dengan kata beliau:

---

<sup>21</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Tanah Melayu (2)* (Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2007), 39.

Hukum-hukum mereka itu diambil daripada kitab *Hady al-Rasul* yang mukhtasar daripada kitab *Hady al-'Ibad*<sup>22</sup> yang dikarang akan dia oleh Ibn al-Qayyim al-Khariji, maka Ibn al-Qayyim dan segala kitabnya ditolak oleh ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah<sup>23</sup>.

Beliau menambah lagi dengan katanya:

Tuan-tuan bangsa Melayu jangan tertipu daya hasutan mereka itu, dikeluar hukum-hukum yang tiada terpakai dalam mazhab Syafi'i, dan fatwa mereka itu akan masalah yang buruk-buruk, sudah terdengar kepada awam, harapan bangsa Melayu jangan berpecah belah sesama bangsa sendiri<sup>24</sup>.

Beliau juga telah meninggalkan nasihat kepada masyarakat Islam di Malaysia dengan katanya:

(Nasihat) supaya jangan berpecah belah oleh bangsa Melayu sendiri. Sekarang sudah ada timbul di Malaya mazhab Khawarij [maksud beliau adalah aliran Kaum Muda atau Wahabi] yakni mazhab yang keluar dari mazhab empat mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Maksud mereka itu hendak mengelirukan faham awam yang sebatи dan hendak merobohkan pakatan bangsa Melayu yang jati, dan menyalahkan kebanyakan bangsa Melayu<sup>25</sup>.

Kemudian, ‘Uthman Jalaluddin bin Muhammad bin Abdul Samad al-Kelantani atau lebih dikenali sebagai ‘Uthman Jalaluddin Penanti telah merakamkan dalam dua buah kitab beliau berkenaan golongan Wahabi. Di dalam kitab *al-Durrah al-Nafi 'ah fi Ashrat al-Sa'ah*, bab Kenyataan Alamat Kiamat yang Telah Jatuh, beliau telah menyatakan:

Puak *mariqin* (yang mencariikan dan yang merosakkan agama) dan telah menyuruh oleh Nabi SAW akan bahawa kami berperang bersama-sama dengan Ali akan puak *mariqin* itu, maka tiada kami lihat akan mereka itu kemudian daripada itu. Maka difaham daripada Hadith ini bahwasanya zaman

<sup>22</sup> Di dalam cetakan yang lain dinyatakan bahawa kitab *Hady al-'Ibad* itu adalah ringkasan daripada kitab *Zad al-Ma'ad* yang dikarang oleh Ibn al-Qayyim. Lihat Harun bin Muhammad al-Samadi, *Senjata Syariat Pakaian Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah – Memerangkan Khurafat dan Mubtadi'ah* (Pulau Pinang: Hj Harun bin Mohamad, t.t.), 17.

<sup>23</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Tanah Melayu* (2), 38.

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> *Ibid.*, 37.

segala sahabat Nabi ada puak yang merosakkan agama, maka istimewa pula pada masa kita ini.

Dan diriwayat daripada Abi Sa‘id akan hadis yang marfu‘ (yang berhubung sanadnya dengan Nabi) bahwasanya lagi akan dikeluarkan daripada ahli puak *mariqin* ini oleh satu kaum yang membaca ia akan kitab Allah (al-Qur'an) pada hal otaknya masih basah, maka tiada melampaui ia akan halkum mereka itu (di dalam hati) bahkan pada mulut juga, lagi mencarik oleh mereka itu akan agama sebagaimana mencarik oleh anak panah akan tempat lontar, lagi membunuh mereka itu akan ahli Islam<sup>26</sup> dan meninggalkan oleh mereka itu akan segala kafir yang menyembah akan berhala daripada bunuh. Bersabda Nabi: “Demi Allah, jika lau aku dapat akan mereka itu di dalam masa aku, nescaya aku bunuh akan mereka itu sebagai bunuh kaum ‘Ad dan kaum Thamud.” Dan dikehendakkan dengan suatu kaum itu ialah kaum yang keluar daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti kaum Wahabi dan kaum Rafidi dan yang lain daripada mereka itu, kerana diriwayat Hadith Ibn Umar daripada Nabi SAW bersabda ia akan keluar oleh manusia daripada pihak masyrik Madinah, hal

<sup>26</sup> Antara kezaliman yang telah mereka lakukan seperti yang telah dicatatkan oleh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani di dalam kitab *Hadiqah al-Azhar* adalah; “memerangi mereka itu akan beberapa buah negeri yang besar-besar dan memilik mereka itu akan dua Tanah Haram yang mulia dan segala kampung keduanya dan meroboh mereka itu akan segala kubah tempat yang mulia-mulia dan kubur solihin dan mengerasi mereka itu akan manusia atas masuk kepada mazhab mereka itu yang celaka dan merampas mereka itu akan segala pakaian kubur Nabi dan segala barang yang di dalam kubahnya yang maha mulia dan segala barang yang di dalam Kaabah daripada segala perkakas dan perhiasan yang indah-indah”. “...dan telah menghasar (mengepung) mereka itu akan Mekah hingga lapar ahlinya dan makan setengah daripada mereka itu akan anjing...”. Lihat Ahmad bin Muhammad bin Zain al-Fatani, *Hadiqah al-Azhar wa al-Rayahin fi Manaqib al-Akhyar wa Akhbar al-Salihin* (Pulau Pinang: Persama Press, t.t.), 170. Mereka juga telah menyerang beberapa wilayah kaum Muslimin seperti wilayah al-Zulfa, al-Kharj, dan Harimla dengan maksud memerangi mereka, membunuh kaum Muslimin yang dianggap telah murtad oleh mereka, memusnahkan binaan bangunan yang terdapat di wilayah berkenaan dan telah mengurung/mengepung kaum Muslimin di dalam rumah-rumah kaum Muslimin tersebut. Secara jelas, mereka telah mengatakan bahawa pada Syawal tahun 1165H, penduduk wilayah Harimla telah murtad, sedangkan kadi bagi wilayah tersebut adalah Sulaiman bin Abdul Wahab yang merupakan abang kepada Muhammad bin Abdul Wahab. Abangnya merupakan seorang yang tegas dalam menentang dakiyah yang dibawa oleh adiknya tersebut.

keadaan mereka itu membaca oleh mereka itu akan Qur'an padahal tiada melampaui ia akan segala halkum mereka itu. Tiap-tiap diputuskan suatu kurun, nescaya digantikan oleh kurun yang lain pula hingga akhir mereka itu berhubung dengan keluar Dajal bersama-sama dengan Nabi Isa AS. Kerana puak Wahabi dan Rafidi itu diam mereka itu pada pihak masyrik Makkah Madinah dan mereka itulah membaca akan Qur'an tiada melampaui ia akan halkum mereka itu. Bahkan pada mulut jua, tiada mesra ia pada memberi faedah ia akan mengikut mereka itu akan barang yang menyuruh ia akan mereka itu<sup>27</sup>.

Manakala dalam kitab *Matali' al-Anwar wa Majami' al-Azhar* pada halaman 170, beliau menyatakan:

Sesungguhnya kami mulai belajar furu' syariat dan lain-lainnya pada tahun 1311H. Maka dalam masa yang tersebut itu tiada satu perubahan perkara agama daripada kaum kami bahkan bertaklid mereka itu bagi salah suatu daripada mazhab yang empat dan banyak ulama'-ulama' yang besar padanya. Dan tatkala adalah pada tahun 1319H kami mula bermukim dalam Mekah empat tahun. Maka tidaklah kami mendapatkan padanya suatu perubahan perkara agama daripada kaum kami, maka menimbang oleh kami dengan belajar furu' Syariat dan alatnya 11 tahun. Kemudian pada tahun 1341H kami kembali bermukim dalam Mekah pula. Maka tiada juga padanya suatu perubahan perkara agama. Kemudian tatkala adalah pada tahun 1343H mengambil oleh kaum Wahabi akan Mekah dan Madinah, maka tatkala adalah pada tahun 1351H maka kami turun ke Jawi pula. Maka kami mendapat padanya berpecah-pecah kaum kami beberapa puak dan beberapa perselisihan di antara mereka itu<sup>28</sup>.

Sementara di dalam kitab *Hadiqah al-Azhar wa al-Rayahin fi Manaqib al-Akhyar wa Akhbar al-Salihin* pula, Ahmad bin Muhammad bin Zain bin Mustafa al-Fatani ketika menceritakan tentang fitnah yang berlaku ketika pada zaman pemerintahan Sultan Salim mengatakan:

<sup>27</sup> Uthman Jalaluddin bin Muhammad, *al-Durrah al-Nafi'ah fi Ashrat al-Sa'ah* (Pulau Pinang: Zi United Press, t.t.), 15-16.

<sup>28</sup> Uthman Jalaluddin bin Muhammad, *Matali' al-Anwar wa Majami' al-Azhar* (Patani: Kedai Kitab Ihya' 'Ulum al-Din, t.t.), 169-170.

Setengah daripadanya fitnah taifah Wahabiah yang melampaui mereka itu sehingga memerintah mereka itu akan dua Tanah Haram yang mulia. Dan mereka itu satu kaum yang mempunyai mazhab yang jahat dan jalan yang sesat dan iktikad yang mudarat. Dan adalah yang menghantarkan mazhab mereka itu yang keji dan yang memerintahkan dia Muhammad anak Abdul Wahab dan asalnya daripada masyrik daripada Bani Tamim dan adalah permulaan pekerjaannya bahwasanya ia adalah setengah daripada mereka yang menuntut ilmu pada negeri Madinah al-Munawwarah *'ala Sahibiha qfdal al-salat wa al-salam*. Dan adalah bapanya laki-laki yang soleh demikian lagi saudaranya dan adalah bapanya dan saudaranya dan sekalian guru-gurunya memfirasat mereka itu padanya bahwasanya lagi akan jadi daripadanya menyesat dan *zaygh* dan *ilhad* dari kerana barang yang diketahui oleh mereka itu daripada perkataannya dan perbuatannya dan bantahan-bantahannya daripada beberapa masalah.

Maka mereka ia bagi dirinya akan mazhab yang sesat dan menyalahi ia akan segala imam agama dan menyesat ia akan segala yang jahilnya dan mengkufur ia akan segala mereka yang tiada mengikut mazhabnya daripada Mukmin dan menghukum ia dengan syirik mereka yang ziarah akan kubur Nabi SAW dan aulia dan solihin dan yang bertawasul dengan mereka itu dan mengharam ia akan berselawat atas Nabi SAW dan beberapa iktikad yang lain daripada demikian itu dan bahawasa segala manusia telah kufur mereka itu daripada masa Hijrah enam ratus tahun hingga kepada masanya itu dan ialah yang membaharukan bagi mereka itu akan Islam mereka itu<sup>29</sup>.

Ahmad Khatib bin Abdul Latif al-Minangkabawi pula menerusi kitab karangannya, *Risalah al-Khittah al-Mardiyyah fi Radd Shubhah man Qala Bid'ah al-Talaffuz bi al-Niyyah* telah mencoretkan<sup>30</sup>:

Adalah pada tahun 1326H masuk satu kitab daripada kitab Ibn al-Qayyim yang Hanbali pada asal mazhabnya dan yang Wahabi pada amalannya maka setengah daripada mazhabnya

<sup>29</sup> Ahmad al-Fatani, *Hadiqah al-Azhar*, 169-170.

<sup>30</sup> Ahmad Khatib bin Abdul Latif al-Minangkabawi, *Risalah al-Khittah al-Mardiyyah fi Radd Shubhah man Qala Bid'ah al-Talaffuz bi al-Niyyah* (Kuala Lumpur: Khazanah al-Fattaniyyah, 2006), 2.

mengharamkan taklid pada usul dan furu‘ dan mewajibkan akan bahawa mengamalkan tiap-tiap satu orang akan apa yang difahamkannya daripada Kitab dan Sunnah dan jika belum sampai ia kepada martabat ijтиhad sekalipun dan mengharamkan ia akan ziarah kubur Nabi dan mengkufurkan akan tiap-tiap orang yang ziarah kubur Nabi dan lainnya daripada yang lagi akan datang kenyataan ehwalnya yang menyalahi ijmak segala orang Islam dan ia setengah daripada orang yang sesat daripada jalan yang hak pada iktikad Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Manakala dalam kitab *Pelita Penuntut*<sup>31</sup> yang telah dikarang oleh Muhammad Syafi‘i bin ‘Abdullah Rangkul, Langgih, Fatani, pengarang menulis:

Demikian lagi yang sangat-sangat karut dan sangat-sangat sesat lagi menyesatkan orang awam ialah satu puak yang banyak timbul pada zaman sekarang yang bergelar Kaum Muda. Memegang mereka itu akan zahir Hadith dan ayat Qur'an dengan ketiadaan *ta'wil mu'awwilnya*, dan tiada dikerjakan pula *muqayyad mutlaqnya*, *khass* dan *amnya*, *nasikh* dan *mansukhnya*. Hanya mana-mana terdapat lafadz Hadith dan ayat Qur'an, maka ialah dalilnya dengan tiada kira banyak lagi, dan menafi mereka itu akan tiap-tiap hukum yang tiada pada zahir ayat [al-Qur'an] dan Hadith, maka menafi mereka itu akan ijmak ulama dan kias dan mazhab yang empat dan membatalkanlah oleh mereka itu akan *qawa'id-qawa'id* imam yang empat dan membatalkan mereka itu akan hukum-hukum yang sabit dengan ijтиhad dan kias. Maka memfasidkan mereka itu akan sunat talkin mayat<sup>32</sup>, dan fidyah puasa dan

<sup>31</sup> Muhammad Syafi‘i bin Abdullah, *Pelita Penuntut* (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘arif, t.t.), 11. Kitab ini merupakan terjemahan kitab *Ta'lim al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum* oleh Burhanuddin al-Zarnuji.

<sup>32</sup> Berkenaan isu talkin mayat ini, al-Nawawi telah berkata di dalam kitabnya *Sharh Muhazzab* bahawa perbuatan tersebut telah dituntut supaya dilakukan ke atas mayat yang telah dikebumikan. Dalil talkin mayat daripada al-Qur'an adalah berdasarkan kepada Surah al-Dhariyat (51): ayat 55. Manakala daripada Hadith adalah ucapan Baginda selepas menguburkan anaknya Ibrahim:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا دُفِنَ إِبْرَاهِيمَ، قَالَ: اللَّهُ رَبِّيْ وَرَسُولُ اللَّهِ أَبِي وَالْإِسْلَامُ دِينِيْ.

Terjemahan: Sesungguhnya Nabi SAW selepas menguburkan Ibrahim, Baginda bersabda: Allah adalah Tuhanku, Rasulullah adalah ayahku, dan Islam adalah agamaku.

fidyah sembahyang, dan sunat berlafaz dengan lafaz niat sembahyang<sup>33</sup> dan umpamanya”.

Katanya lagi<sup>34</sup>:

Dan menghafaz mereka akan beberapa banyak daripada ayat-ayat Qur'an dan Hadith Nabi SAW supaya buat hujah dengan dia akan orang-orang awam kita. Dan mendakwa mereka itu bahawasanya mereka itu mujtahid daripada ayat [al-Qur'an] dan Hadith sendiri dan mendakwa akan dirinya yang betul dengan Sunnah SAW pada hal kebanyakan mereka itu tiada biasa bertemu pun dengan pengajian [ilmu-ilmu agama hingga melayakkan mereka untuk berijtihad seperti] usul fiqh dan mustalah Hadith dan majaz isti'arah dan lainnya daripada ilmu-ilmu alat. Bahkan nahu saraf pun kurang tahu dan

Hadith tersebut dihukum sebagai Hadith Gharib oleh al-Subki. Namun, sekiranya Hadith tersebut bertaraf daif sekalipun, ia tetap boleh diamalkan sebagai perkara-perkara Fada'il al-A'mal. Antara ulama yang telah menaskan tuntutan ditalkinkan mayat setelah dikebumikan adalah Qadi Husain, Nasr al-Muqaddas, al-Ramli, al-Rafi'i serta ramai lagi. Bahkan amalan tersebut telah dianjurkan oleh Abu Amr Ibn al-Salah berdasarkan Hadith yang telah diriwayatkan oleh Abu Umamah. Walaupun Hadith tersebut tidak kuat sandarannya, namun ia disokong dengan Hadith-hadith sahih yang lain seperti Hadith *fa 'salu al-tathbit* dan wasiat 'Amr al-'As serta diperkuatkan pula dengan amalan orang-orang Syam sejak sekian lama. Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Umamah tersebut sekiranya dilihat dari sudut ilmu Mustalah al-Hadith, maka ia bertaraf Hasan li Ghayrih yang boleh dijadikan dalil dalam hukum Syarak. Hukum berkenan talkin mayat ini telah dibincangkan dalam *Hashiyah al-Barmawi 'ala Sharh Ibn Qasim, al-Iqna'*, *Fath al-Mu'in, al-Hawi al-Fatawa* dan banyak lagi. Lihat Abu Abdul Aziz Muhammad bin Idris al-Syafi'i, *al-Qawl al-Mufid li Ifadat al-Mustafid* (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat, t.t.), 30-31, Ismail bin Ahmad, *Minhaj al-Salimin fi Tariqah al-Mutaqaddimin* (Kaherah: Sharikah al-Tiba'ah al-Fanniyyah al-Muttaqidah, 1962), 9.

<sup>33</sup> Berkenaan isu lafaz niat solat, Ibn Hajar al-'Asqalani telah berkata dalam *al-Tuhfah* bahawa disunatkan melafazkan niat ketika mengangkat takbir supaya lidah dapat membantu hati dalam menumpukan perhatian kepada pekerjaan solat yang didirikan. Antara ulama lain yang telah menghukum sunat dalam melafazkan niat adalah al-Rafi'i, al-Nawawi, Ibn Hajar, al-Ramli, al-Mahalli, Khatib Sharbini dan ramai lagi. Pendapat ini juga adalah berdasarkan kepada Hadith Rasulullah:

وَإِنَّمَا لَكُلُّ امْرٍ مَا نُوِيَ.

Terjemahan: Sesungguhnya bagi setiap orang apa yang dia niatkan.

Lihat Abu Abdul Aziz Muhammad bin Idris al-Syafi'i, *al-Qawl al-Mufid li Ifadat al-Mustafid*, 15-16.

<sup>34</sup> Muhammad Syafi'i bin Abdullah, *Pelita Penuntut*, 11.

kebanyakan lafaz-lafaz Arab pun tiada mengerti akan makna-maknanya dan tidak pula didapat mereka itu memelihara maruahnya [yang selayaknya sebagai seorang alim, apatah lagi seorang digelar mujtahid], hanya memakan mereka itu diserata-rata kedai dan menjauhi mereka itu akan serban. Maka beginikah kelakuan mujtahid? Dan beginikah Sunnah Nabi SAW? Betapakah halnya semacam ini kelakuan hendak dikata mujtahid?

Selain itu, Abdul Aziz bin Ismail al-Fatani menerusi kitab beliau *Risalah al-Misbah al-Munir fi Ma 'rifah Allah al-Qadir* telah menyatakan di dalam mukadimah kitabnya<sup>35</sup> bahawa:

Dan aku memohon kepada Allah pula bahawa menjadikan risalah ini perisai yang dapat mempertahankan dan dapat menolakkan akan segala ajaran-ajaran yang sesat yang menyesatkan orang awam, yang dibawa akan dia oleh orang-orang yang tidak sangkakan dengan jahilnya seperti ajaran-ajaran yang mengatakan tidak wajib belajar sifat dua puluh yang termasyur itu dan ajaran-ajaran melihat Tuhan di dalam dunia. Dan ajaran-ajaran yang memegang dengan zahir ayat mutasyabih dan yang mengatakan Tuhan bertempat dan sebagainya daripada ajaran-ajaran ahli dalalah.

Abu Zahidah dan Abu Qani'ah (tidak disebutkan nama pengarang yang asal) telah berkata dalam kitabnya pada bab yang menyatakan “Benih-benih yang Memasid atau Memecah-mecah Agama Islam”<sup>36</sup>:

Dan zahirlah pula benih-benih yang memasidkan manusia di dalam kurun yang ketujuh masuk kepada kurun kelapan ialah Syeikh Taqiuddin Ibn Taymiyyah yang bermazhab ia dengan mazhab Ibn Hazm, dan Ibn Taymiyyah ini baginya beberapa pengikut-pengikut yang menolong meneguh-neguh mazhabnya (1) Abdullah bin Abdul Rahman al-Sindi, (2) Abdul Karim bin Fakhruddin maka kedua-duanya mengarang kitab-kitab kerana menguatkan mazhab[nya] (3) Muhammad bin Abdul Wahab imam kaum Wahabi pada masa itu (4)

---

<sup>35</sup> Abdul Aziz bin Ismail al-Fatani, *Risalah al-Misbah al-Munir fi Ma 'rifah Allah al-Qadir* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1994), 3.

<sup>36</sup> Abu Zahidah dan Abu Qani'ah, *Senjata Syariat* (Pulau Pinang: Haji Harun bin Mohamad, t.t.), 18.

Muhammad bin Ahmad bin Abdul Hadi (5) Muhammad bin Ismail al-San‘ani (6) Syeikh al-Syawkani.

Dalam kitab *Tuhfah al-Raghabin fi Bayan Haqiqah Iman al-Mu'minin wa Ma Yufsiduhu min Riddah al-Murtaddin*, Muhammad Arsyad al-Banjari telah berkata:

Adapun kaum *mujassimah*, maka setengah daripada mereka itu iktikad bahawa Allah itu jauhar yang maujud, dan setengah mereka itu bahawa Allah Taala itu jisim tetapi tiada seperti jisim yang lain, dan setengah mereka itu iktikadnya bahawa Allah Taala seperti rupa manusia, dan setengah mereka itu iktikadnya bahawa ada bagi Allah Taala daging dan darah dan anggota muka dan tangan dan kaki dan jari, dan setengah mereka tu iktikadnya bahawa ada bagi Allah Taala rupa tetapi tiada kami ketahui betapa (bagaimana) rupanya, dan setengah mereka itu iktikadnya bahawa Allah Taala datang dan turun dengan Zat-Nya serta bergerak dan berpindah daripada sesuatu tempat kepada suatu tempat, dan setengah mereka itu iktikadnya Allah Taala duduk di atas Arasy, dan setengah mereka itu iktikadnya bahawa Allah Taala masuk pada Arasy dan Arasy itulah tempat kediamannya. Syahadan. Adalah perpegangan (pegangan) setengah kaum *mujassimah* pada iktikadnya yang tersebut itu zahir ayat dan Hadith yang mutasyabihat. Dan dinama ia kaum *mujassimah* itu (sebagai) *mushabbiyah*. Kata Imam Fakhruddin al-Razi: Yang *mujassimah* itu *mushabbiyah*, dan yang *mushabbiyah* itu kafir kerana diisbatkannya bagi hak Allah Taala berjisim, dan akan jisim itulah yang disembahnya, dan barang siapa menyembah jisim maka sanya jadi kafir kerana ia menyembah yang lain dari Allah Taala. Kata Imam Ahmad r.a.: Barang siapa mentasybihkan Allah Taala dengan makhluk maka sanya jadi kafir. Dan berkata sahib *al-Jawhar al-Nafsiyah*: Barang siapa mengiktikadkan Allah Taala itu berjisim maka sanya jadilah ia kafir<sup>37</sup>.

Manakala dalam kitab *al-Jawahir al-Saniyyah fi Sharh al-'Aqa'id al-Diniyyah wa Ahkam al-Fiqh al-Mardiyyah wa Tariq al-*

---

<sup>37</sup> Muhammad Arsyad al-Banjari, *Tuhfah al-Raghabin fi Bayan Haqiqah Iman al-Mu'minin wa Ma Yufsiduhu min Riddah al-Murtaddin* (Thailand: Matba‘ah Bin Halabi, t.t.), 17.

*Suluk al-Muhammadiyyah*<sup>38</sup>, Daud bin Abdullah al-Fatani telah menulis:

Dan tiada Allah itu pada tempat dan tiada Ia di atas dan tiada Ia di bawah dan tiada Allah di kanan dan tiada di kiri dan tiada pada hadapan dan tiada di belakang kerana adalah sekaliannya itu melazimkan jirim dan Allah SWT tiada berjirim dan tiada ‘arad kerana adalah segala yang baharu ini terhingga atas dua perkara iaitu jirim dan ‘arad, maka tempat dan berubah itu sifat jirim dan sifat ‘arad, demikian lagi besar dan kecil itu sifat jirim yang banyak dan sedikit kerana jikalau banyak jirim dinamakan besar dan yang sedikit dinamakan kecil dan berubah itu sifat ‘arad seperti gerak dan diam maka keduanya itu daripada kelakuan yang baharu dan Allah SWT itu qadim tidak boleh disifat dengan segala sifat yang baharu. Dan barang siapa menghinggakan Zat Allah Taala pada tempat maka tiada syak ia pada kufurnya seperti katanya Allah Taala itu terhingga di atas langit atau pada bumi, dan barang siapa yang menyatakan bagi Allah *jihad* (arah) dengan ketiadaan dihinggakan dengan tempat yang tertentu maka tiada kufur tetapi fasiq juga seperti berkata ia Allah pada langit atau pada bumi dengan tiada terhingga pada tempat.

Sementara itu, terdapat juga seorang tokoh ulama Nusantara yang lain iaitulah Abdul Qadir bin Abdul Mutalib al-Indonesi al-Mandili yang turut tegas dalam menyekat kemaraan golongan Wahabi di Tanah Melayu. Beliau telah mengarang sebuah kitab yang berjudul *Sinar Matahari Buat Penyuluh Kesilapan Abu Bakr al-Ash’ari*. Kitab tersebut telah ditulis oleh beliau ketika berada di Makkah al-Mukarramah dan telah selesai penulisannya pada hari Sabtu 4 Syawal 1378H/1956M. beliau juga telah mengarang sebuah lagi kitab yang berjudul *al-Mazhab atau Tiada Bermazhab* di atas permintaan Hasan Ahmad al-Fatani bagi menjawab sebuah kitab yang telah dikarang oleh seorang pemuka Kaum Muda iaitulah Hasan Ahmad Bandung yang bertajuk *al-Mazhab: Wajibkah atau Haramkah Bermazhab?* Kitab tersebut telah selesai dikarang oleh beliau pada hari Selasa 8 Ramadhan 1378H/1956M. Antara kesimpulan yang tercatat dalam kitab tersebut adalah:

---

<sup>38</sup> Daud bin Abdullah al-Fatani, *al-Jawahir al-Saniyyah fi Sharh al-‘Aqa’id al-Diniyyah wa Ahkam al-Fiqh al-Mardiyyah wa Tariq al-Suluk al-Muhammadiyyah* (Singapura: Pustaka Nasional, t.t.), 6.

Taklid dan bermazhab tiada haram atas sekalian orang awam. Allah Taala tiada ada melarang akan orang awam daripada bermazhab (bertaklid pada furu'). Rasulullah SAW tiada melarang umatnya (yang awam) daripada bermazhab. Sahabat r.a. tiada ada melarang akan orang awam daripada bermazhab. Bahkan ijmak mereka itu atas membiarkan orang awam pada taklid. Tabiin dan Tabi' al-Tabiin tiada melarang mereka itu akan orang awam daripada bermazhab. Imam-imam yang empat tiada melarang akan orang awam daripada bermazhab. Dengan sebab yang tersebut diketahui akan bahwasanya bermazhab dan taklid tiada haram<sup>39</sup>.

Maka berdasarkan paparan-paparan di atas, ternyata para ulama pondok tidak mendiamkan diri ketika tersebarnya ajaran-ajaran yang bertentangan dengan pegangan majoriti umat Islam di Malaysia ini sama ada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari sudut akidah, dan mazhab Syafi'i dari sudut fiqh. Bahkan mereka telah melakukan peringatan dan pembongkaran terhadap realiti fahaman sesat yang cuba dibawa masuk ke dalam tanah air yang tercinta ini. Usaha yang dilakukan oleh mereka dilihat bersifat berterusan lebih-lebih lagi teks-teks yang terakam kemas di dalam kitab-kitab mereka dilihat begitu teguh mengajarkan akidah yang benar dari Rasul akhir zaman. Penekanan terhadap akidah yang sahih ini dilihat telah menjadi benteng kukuh dalam mempertahankan akidah umat daripada dirosakkan oleh golongan sesat.

Sebagai contoh Daud bin Abdullah al-Fatani berkata dalam kitabnya *al-Durr al-Thamin*:

Maka wajib atas mukalaf menafikan daripada Allah Tuhan sekalian alam daripada serupai akan Dia dengan segala yang

<sup>39</sup> Abdul Qadir bin Abdul Mutalib al-Mandili, *al-Mazhab atau Tiada Haram Bermazhab* (Mesir: Matba'ah al-Haj Muhammad Idris al-Marbawi, 1958), 58. Abdul Qadir al-Mandili juga telah menyemak kitab yang dikarang oleh murid beliau iaitu Ismail bin Ahmad bin Muhammad Soleh al-Tatani al-Langgori yang bertajuk *Minhaj al-Salimin fi Tariqah al-Mutaqaddimin*. Kitab tersebut turut dikarang bagi menjawab dakwaan-dakwaan sesat Kaum Muda pada ketika itu yang berkaitan sekitar masalah bidaah, membaca talkin, berhimpun mengadakan tahlil dan kenduri arwah, membaca al-Qur'an di atas kubur dan sebagainya. Untuk keterangan lanjut, lihat Ismail bin Ahmad bin Muhammad Soleh al-Tatani al-Langgori, *Minhaj al-Salimin fi Tariqah al-Mutaqaddimin* (Fatani: Sharikat al-Tiba'ah al-Fataniyyah al-Muttaqidah, 1960), 3.

baharu seperti jirim dan ‘arad dan yang melazimkan bagi jirim dan ‘arad. (Dan) lazim bagi jirim itu empat perkara iaitu baharu dan bersusun dan mengambil lapang [ruang atau tempat] dan qabul bagi ‘arad seperti *maqadir* [ukuran dan sukatan] dan *jihad* [arah] dan zaman dan hampir dan jauh dan kecil dan besar dan bersentuh dan bergerak dan diam<sup>40</sup>.

Abdul Samad al-Falimbani berkata dalam kitabnya *Hidayah al-Salikin*:

Maha suci Allah Taala daripada pindah dan bergerak dan mengambil tempat dan bertempat yang tertentu pada suatu benua dan berpihak dengan pihak yang tertentu... tiada meliputi akan Allah Taala itu oleh tempat... dan tiada menentukan Allah Taala itu oleh zaman... adalah Allah itu dahulu daripada bahawa Ia menjadikan akan zaman dan tempat dan adalah Allah Taala sekarang atasnya iaitu ada Ia sedia tiada berubah-ubah daripada sedia-Nya<sup>41</sup>.

Zainul Abidin al-Fatani yang masyhur dengan panggilan Tuan Minal berkata dalam kitabnya *Aqidah al-Najin fi ‘Ilm Usul al-Din*:

*Mukhalafatuhu li al-hawadith* ertinya bersalahkan Allah Taala bagi segala yang baharu; ertinya tiada bersamaan Allah Taala bagi segala yang baharu, maka diketahui daripada yang demikian itu menafikan jirim dan ‘arad dan *kulliyah* dan *juz’iyyah* dan segala yang lazim bagi segala perkara itu. Dan yang lazim bagi jirim empat perkara; pertama baharu dan kedua bersusun dan ketiga mengambil lapang [ruang atau tempat] dan keempat menerima bagi ‘arad<sup>42</sup>.

Muhammad Zain bin al-Faqih Jalaluddin al-Asyi berkata dalam kitabnya *Bidayah al-Hidayah Sharh Matn Umm al-Barahin*:

(Dan kelima) mustahil Allah Taala itu berhad dengan sesuatu tempat seperti pada Arasy dan lainnya atau masa seperti lalu atas-Nya siang dan malam<sup>43</sup>.

<sup>40</sup> Dawud bin Abdullah al-Fatani, *al-Durr al-Thamin* (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘rif, t.t.), 23.

<sup>41</sup> Abdul Samad al-Falimbani, *Hidayah al-Salikin* (Pulau Pinang: Dar al-Ma‘rif, t.t.), 8.

<sup>42</sup> Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani, ‘Aqidah al-Najin fi ‘Ilm Usul al-Din (Kota Bharu: Bin Halabi Press, t.t.), 18-19.

<sup>43</sup> Muhammad Zain bin al-Faqih Jalaluddin al-Asyi, *Bidayah al-Hidayah Sharh Matn Umm al-Barahin* (Bangkok: Maktabah wa Matba‘ah Muhammad al-Nahdi wa Awladih, t.t.), 13.

Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani berkata dalam kitabnya *Matla‘ al-Badrayn wa Majma‘ al-Bahrayn*:

Dan setengah daripada yang mustahil pada hak Allah Taala dua puluh sifat dan iaitu segala lawan dua puluh sifat; pertama dan iaitu ('adam) ertinya tiada (dan *huduth*) ertinya baharu... (dan *mumathalah* dengan *hawadith*) ertinya menyerupai dengan yang baharu dengan bahawa ada Ia berjirim ertinya mengambil Zat-Nya yang maha tinggi akan kadar daripada lapang atau ada Ia ‘arad yang berdiri dengan jirim atau ada Ia pihak bagi jirim atau bagi-Nya pihak atau berhad Ia dengan tempat<sup>44</sup>.

Husain Nasir bin Tayyib al-Mas‘udi al-Banjari berkata dalam kitabnya *Hidayah al-Mutafakkirin*:

Dan menafi akan bersamaan sifat Allah Taala itu bagi segala perbuatan yang baharu ini (ertinya Zat Allah Taala itu ) bukan Ia jirim dan jisim dan jauhar fard dan tiada Ia berpihak dan tiada Ia pada satu pihak bagi jirim dan tiada Ia bertempat dan tiada Ia bermasa dan tiada Ia bersifat dengan kecil dan tiada Ia bersifat dengan besar dan tiada Ia berbangsa kepada seseorang dan tiada seorang berbangsa kepada-Nya, dan tiada seorang sekutu baginya dan tiada mengambil faedah Ia pada segala perbuatan dan hukumnya<sup>45</sup>.

Muhammad Mukhtar bin Utarid al-Buquri berkata dalam kitabnya *Usul al-Din I’tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah*:

*Mukhalafatuhu li al-hawadith* ertinya bersalahan Allah Taala bagi sekalian yang baharu yakni Zat Allah Taala itu bukan jirim dan bukan jisim yakni bukan barang yang ada pada diriannya serta memenuhi lapang, dan Zat Allah Taala tiada ada tempat-Nya; tiada Ia di langit dan tiada di bumi dan tiada pada lainnya dan tiada Ia pada satu pihak; tiada di bawah dan tiada di atas dan tiada di utara dan tiada di selatan dan tiada di timur dan tiada di barat<sup>46</sup>.

<sup>44</sup> Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, *Matla‘ al-Badrayn wa Majma‘ al-Bahrayn* (Bangkok: Maktabah wa Matba‘ah Muhammad al-Nahdi wa Awladih, t.t.), 6.

<sup>45</sup> Husain Nasir bin Tayyib al-Banjari, *Hidayah al-Mutafakkirin* (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘arif, t.t.), 6.

<sup>46</sup> Muhammad Mukhtar bin Utarid al-Buquri, *Usul al-Din I’tiqad Ahli al-Sunnah wa al-Jama‘ah* (Pulau Pinang: Percetakan Nahdi, t.t.), 2.

Muhammad Ali bin Abdul Rahman Kutan al-Kelantani yang masyhur dengan panggilan Wan Ali Kutan berkata dalam kitabnya *Zahrah al-Murid fi 'Aqa'id al-Tawhid*:

Dan tiada Ia bertempat dan tiada Ia bermasa kerana bahawasanya Allah Taala itu ada dahulu dijadikan tempat dan zaman dan tiada Ia di dalam alam dan tiada di luar alam maka tiada Ia di dalam sesuatu dan tiada Ia di luar sesuatu maka sekaliannya mustahil<sup>47</sup>.

Wan Ismail bin Abdul Qadir al-Fatani yang masyhur dengan panggilan Pak Da 'E berkata dalam kitabnya *Sharh Bakurah al-Amani li Isharah Awam Ahli al-Fatani*:

*Mukhalafatuhu Ta'ala li al-hawadith* ertinya menyalahi-Nya Taala akan yang baharu-baharu. Dan dikehendaki dengan dia akan (bersalahan Allah Taala) sedia kala lagi berkekalan (akan yang baharu-baharu ertinya ketiadaan menyamai-Nya) dan ketiadaan menyerupai-Nya Taala (akan sesuatu daripada makhluk) ini (pada Zat-Nya) kerana bahawasa zat makhluk ini jirim yang bertempat dan Zat-Nya Taala itu bukannya jirim (tiada pula) menyamaikan dia (pada sifat-sifat-Nya) kerana bahawasa sifat-sifat makhluk ini 'arad yang bertangkup pada jirim dan menumpangkan dia pada bertempat dan sifat-sifat-Nya Taala itu bukannya 'arad<sup>48</sup>.

Abdul Aziz bin Ismail al-Fatani berkata dalam khutbah kitabnya *al-Misbah al-Munir fi Ma'rifah Allah al-Qadir*:

Dan makna bersalahan itu tiga perkara; bersalahan pada zat dengan makna zat Allah Taala bukannya jirim yang bertempat walaupun di mana tempat dan makhluk ini semuanya jirim yang bertempat. Kalau begitu tidak boleh dikatakan Allah Taala itu bertempat di mana-mana tempat, maka jika didapati di dalam Quran dan Hadith barang yang memberi waham menyerupai dan bertempat maka dinamakan ayat itu ayat mutasyabihat dan Hadith mutasyabihat, maka wajib ditakwil akan dia supaya lepas daripada syubhah itu sama asa takwil itu

<sup>47</sup> Muhammad Ali bin Abdul Rahman Kutan al-Kelantani, *Zahrah al-Murid fi 'Aqa'id al-Tawhid* (Patani: Matba'ah Bin Halabi, 2000), 10.

<sup>48</sup> Wan Ismail bin Abdul Qadir bin Mustafa al-Fatani, *Sharh Bakurah al-Amani li Isharah 'Awam Ahli al-Fatani* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2000), 24-25.

dengan jalan ijmal seperti takwil ulama salaf atau takwil akan dia dengan jalan tafsil seperti takwil ulama khalaf<sup>49</sup>.

Sultan Alauddin Sulaiman Syah berkata dalam kitab baginda *Pohon Agama*, Bahagian Rukun Iman menyatakan:

*Qiyamuhu bi-nafsihi* maka bukan Ia jirim (mengambil lapang) dan bukan Ia ‘arad (barang yang berkehendak kepada tempat pendiriannya). Maka tiada Ia di atas sesuatu dan tiada Ia di bawah sesuatu dan tiada ada kanan sesuatu dan tiada di kiri sesuatu dan tiada di hadapan sesuatu dan tiada di belakang sesuatu dan tiada bagi-Nya atas dan tiada bagi-Nya bawah dan tiada bagi-Nya kanan dan [tiada] bagi-Nya kiri dan tiada bagi-Nya hadapan dan tiada bagi-Nya belakang dan tiada bermasa dan tiada bertempat dan tiada disifatkan Zat-Nya dengan kecil atau besar atau panjang atau pendek dan tiada bersifat Zat-Nya dengan warna putih atau kuning atau hijau atau barang sebagainya dan tiada bermasuk-masukkan dengan sesuatu dan tiada Ia mengambil manfaat atau kerana menolakkan mudarat<sup>50</sup>.

Abu Abdullah Husain Nasir bin Muhammad Tayyib al-Mas‘udi al-Banjari berkata dalam kitabnya *Hidayah al-Sibyan fi Ma‘rifah al-Islam wa al-Iman*:

*Mukhalafah li al-hawadith* ertinya bersalahan Allah Taala bagi segala yang baharu ini pada Zat-Nya dan segala Sifat-Nya dan pada segala Perbuatan-Nya. (Bermula) maknanya iaitu tiada menyamai akan Zat Allah Taala dan segala Sifat-Nya dan segala Perbuatan-Nya oleh segala zat yang baharu ini dan segala sifat mereka itu dan segala perbuatan mereka itu. Lawannya *mumathilatuhu li al-hawadith* ertinya bersamaan Allah Taala bagi segala yang baharu ini iaitu mustahil.

Muhammad Arsyad bin Muhammad Tasin al-Banjari berkata dalam kitabnya *Risalah*:

Dan bersalahan Perbuatan-Nya dengan segala perbuatan yang baharu maka bukan Ia jirim dan bukan dia Ia ‘arad (dan) tiada Ia di atas suatu dan tiada Ia di bawah suatu dan tiada di kanan suatu dan tiada di kiri suatu dan tiada di hadapan suatu dan

<sup>49</sup> Abdul Aziz bin Ismail al-Fatani, *Risalah al-Misbah al-Munir fi Ma‘rifah Allah al-Qadir*, 16-17.

<sup>50</sup> Sultan Alauddin Sulaiman Syah, *Pohon Agama* (Kuala Lumpur: Khazanah al-Fathaniyah, 2005), 10.

tiada ia di belakang suatu dan tiada ada bagi-Nya atas dan tiada bagi-Nya bawah dan tiada bagi-Nya kanan dan tiada kiri dan tiada bagi-Nya hadapan dan tiada bagi-Nya belakang dan tiada bermasa dan tiada bertempat (dan) tiada disifatkan Zat-Nya dengan kecil atau besar atau panjang atau pendek (dan) tiada bersifat Zat-Nya dengan warna putih atau hitam atau kuning atau hijau atau barang sebagainya (dan) tiada bermasuk-masukkan dengan sesuatu. Dan tiada dia mengambil Ia mengambil faedah pada segala Perbuatan-Nya dan segala Hukum-Nya maka tiada Ia menjadikan sesuatu kerana Ia mengambil manfaat atau menolakkan mudarat. Dan Esa Zat-Nya ertinya tiada bersusun Zat-Nya dan tiada berbanding Zat-Nya dan Esa Sifat-Nya ertinya tiada berbilang pada Kudrat-Nya dan tiada berbilang Iradat-Nya dan tiada berbilang Ilmu-Nya hingga akhirnya dan tiada berbanding Sifat-Nya (dan) Esa Ia pada segala Perbuatan-Nya ertinya tiada serta-Nya suatu yang memberi bekas pada suatu perbuatan daripada perbuatan<sup>51</sup>.

Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani berkata dalam kitabnya *Faridah al-Fara'id fi 'Ilm al-'Aqa'id*:

*Mukhalafatuhu li al-hawadith* ertinya bersalahan Tuhan SWT bagi segala yang baharu, dan maknanya ketiadaan menyamai Allah Taala bagi segala makhluk dan jika pada satu wajah sekalipun kerana segala yang baharu ini tiada sunyi ia daripada bahawa ada ia jauhar atau ada ia ‘arad dan Allah Taala bukan jauhar dan bukan ‘arad maka tiada Ia menyerupai akan sesuatu daripada makhluk sekali-kali. Maka jikalau mencampak oleh syaitan pada zihin engkau bahwasanya apabila tiada Tuhan itu jirim dan tiada ‘arad maka apalah hakikatnya maka kata olehmu pada menolak demikian itu tiada mengetahuikan Allah melainkan Allah jua (*laysa ka-mithlihi shay'*) ertinya tiada seperti-Nya sesuatu dan Ialah yang amat mengetahui dan amat melihat<sup>52</sup>.

Muhammad Zainuddin al-Badawi al-Sambawi berkata dalam kitab beliau *Minhaj al-Salam*:

<sup>51</sup> Muhammad Arsyad bin Muhammad Tasin al-Banjari, *Risalah* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2005), 6-7.

<sup>52</sup> Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani, *Faridah al-Fara'id fi 'Ilm al-'Aqa'id* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniah, 2007), 8.

(Dan keempatnya) wajib Allah Taala (*mukhalafatuhu li al-hawadith*) ertinya bersalah bagi segala yang baharu lawannya (*mumathalatuhu li al-hawadith*) ertinya bersamanya bagi segala yang baharu maka iaitu mustahil, tandanya baharu alam ini. (Dan kelimanya) wajib Allah Taala (*qiyamuhu binafsih*) ertinya berdiri dengan sendiri-Nya dan maknanya tiada berkehendak kepada zat tempat berdiri dan tiada pula berkehendak kepada yang menjadikan akan Dia, hanyalah Ia Tuhan yang menjadikan bagi segala makhluk, lawannya (*al-ihtiyaj ila al-mahall wa al-mukhassis*) ertinya berkehendak kepada tempat berdiri dan kepada yang menjadikan maka iaitu mustahil, tandanya baharu alam ini. (Dan keenamnya) wajib Allah Taala (*wahdaniyyah Allah ta'ala*) ertinya Esa Ia pada Zat-Nya dan pada segala Sifat-Nya dan pada segala Af'al-Nya yakni segala Perbuatan-Nya<sup>53</sup>.

Al-Haj Cik bin Ahmad al-Fatani berkata dalam kitabnya *Sullam al-Sibyan*:

Dan kafir juga Kaum Muda yang berkata Nabi Muhammad pun ada juga kalah berperang atau ia kata Nabi Muhammad ada juga lari daripada berperang atau berkata Nabi Muhammad berselindung di belakang sahabatnya ketika berperang. Atau Kaum Muda yang iktikad berjisim Allah itu semacam dengan kita seperti ia iktikad Allah itu ada tangan atau ada jari atau ada muka atau iktikad Allah itu atas Arasy semacam baharu. Maka sekalian Kaum Muda yang tersebut itu kafir<sup>54</sup>.

Ismail bin Abdullah al-Minangkabawi al-Khalidi al-Naqsyabandi menerusi kitab beliau *al-Muqaddimah al-Kubra allati Tafarra'at minha al-Nusakh al-Sughra*:

Soalan: Apakah makna kalimah Allah? Jawapan: Allah itu adalah nama bagi Zat yang wajib al-Wujud (Allah) yang bersifat dengan segala Sifat kesempurnaan. Soalan: adakah Allah itu nama khas bagi Allah atau nama am? Jawapan: Allah itu adalah nama khas sama ada pada lafaznya mahupun pada maknanya. Kerana lafaz tersebut hanya nama khusus bagi Tuhan kita yang menjadikan sekalian alam dan haram

<sup>53</sup> Muhammad Zainuddin al-Badawi al-Sambawi, *Minhaj al-Salam* (t.p.: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Huda wa Awladih, t.t.), 3-4.

<sup>54</sup> Cik bin Ahmad al-Qadahi, *Sullam al-Sibyan* (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma'arif, t.t.), 207.

menamakan yang lain dengannya. Dan nama yang khas milik Zat yang wajib al-Wujud (Allah) yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan iaitu sifat nafsiyyah, salbiyyah, ma‘ani dan ma‘nawiyyah adalah nama yang menghimpunkan nama Zat dan nama segala Sifat dan segala Perbuatan-Nya.

Selain daripada beberapa orang tokoh ulama Alam Melayu yang disebutkan di atas, terdapat ramai lagi para ulama yang telah berusaha dalam menyekat kemaraan fahaman sesat seumpama golongan Wahabi, khususnya dalam bidang akidah. Begitu pun, elok diambil ingatan bahawa penisbahan kepercayaan yang sesat tersebut di atas dengan label kufur atau kafir, bukan untuk tujuan mempermudahkan perbuatan mengkafirkan sesama orang Islam. Sebaliknya, ia menggambarkan ketegasan para ulama menolak kepercayaan yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Para ulama Alam Melayu menganjur kitab-kitab rujukan di dalam bahasa ibunda yang bertujuan bagi memudahkan kefahaman masyarakat Melayu dalam memahami akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan mudah dan berkesan. Ini sekaligus telah menolak dakwaan mereka yang cenderung kepada aliran Wahabi ini yang mengatakan bahawa para pendakwah di Nusantara pada umumnya memberi penekanan kepada persoalan ibadah dan akhlak, bukan mengutamakan persoalan akidah sebagaimana dakwah Rasulullah.

## **Penutup**

Berdasarkan perbincangan dan paparan di atas, maka dapat disimpulkan bahawa institusi pondok merupakan sebuah institusi yang mampu menjadi benteng terakhir umat. Sewajarnya umat Islam melihat institusi ini bukan hanya sebagai suatu warisan Islam yang bernilai dan berharga bahkan lebih dari itu, ia merupakan sebuah institusi yang mesti disokong, dipelihara dan dipertahankan memandangkan sumbangannya yang begitu besar dalam mempertahankan akidah dan amalan umat Islam. Dalam masa yang sama, institusi ini tidak sewajarnya hanya dilihat dari sudut fizikal; yang terdiri daripada rumah-rumah kecil yang dibina untuk penempatan para penuntut ilmu sahaja, bahkan ia perlulah dilihat sebagai benteng Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berperanan mempertahankan akidah umat. Justeru, apa jua usaha yang didapatkan cuba untuk memusnahkan institusi ini perlu disekat kerana jika ia

dibiarkan, maka ia juga secara tidak langsung akan turut melemahkan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Di samping itu, usaha dalam melahirkan generasi yang mampu menggalas tanggungjawab dalam mempertahankan kesahihan dan ketepatan pegangan umat Islam amat perlu diberikan perhatian. Perkembangan mutakhir ini, kalangan generasi muda mudah yang benar-benar memahami ajaran teras akidah Islam seperti yang terkandung dalam kitab-kitab turath amat membimbangkan khususnya dalam kalangan mereka yang hanya mengikuti sistem pengajian persekolahan semata-mata. Selain itu, tumpuan keterlaluan kepada prospek masa hadapan dan usaha untuk mendapatkan pekerjaan yang selesa didapati menjadi satu tekanan kuat kepada para pelajar sekaligus mengalih perhatian mereka daripada perhatian yang seimbang terhadap penguasaan ilmu-ilmu agama hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Jika lima dekad yang lalu, ‘Uthman Jalaluddin Penanti sentiasa mengingatkan murid-muridnya bahawa, “Kita sekarang bukan hendak mengarang kitab agama, bahkan tolong baca kitab-kitab ulama pun malas”. Kini, adalah dibimbangkan sekiranya perkataan “malas” yang digunakan tersebut bertukar menjadi “tidak mampu”.

Di samping itu, dalam mendepani golongan-golongan yang menyimpang daripada realiti sebenar ajaran Islam, pastinya umat Islam wajib mempertahankan kesucian ajarannya daripada terus dinodai oleh anasir-anasir sesat golongan tersebut, selain turut perlu menyatakan pendirian mereka dengan lebih tegas demi memastikan golongan-golongan ini dapat disekat daripada terus disebarluaskan secara zahir mahupun tersembunyi dalam iklim dan komuniti Muslim yang beraliran Ahli Sunnah Wal Jamaah khususnya di Malaysia ini. Untuk itu, pemerkasaan terhadap pengetahuan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan umat Islam, selain pengajaran terhadap perkara-perkara yang boleh menjatuhkan seseorang ke dalam murtad, perlu dipertingkatkan demi mewujudkan masyarakat satu akidah yang akhirnya akan menatijahkan kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat.

## Rujukan

Abdul Aziz bin Ismail al-Fatani, *Risalah al-Misbah al-Munir fi Ma’rifah Allah al-Qadir* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1994).

- Abdul Qadir bin Abdul Mutualib al-Mandili, *al-Mazhab atau Tiada Haram Bermazhab* (Mesir: Matba‘ah al-Haj Muhammad Idris al-Marbawi, 1958).
- Abdul Samad al-Falimbani, *Hidayah al-Salikin* (Pulau Pinang: Dar al-Ma‘arif, t.t.).
- Abdullah Ishak, *Islam di India, Nusantara dan China* (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1992).
- Abu Abdul Aziz Muhammad bin Idris al-Syafi‘i, *al-Qawl al-Mufid li Ifadat al-Mustafid* (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat, t.t.).
- Abu Zahidah dan Abu Qani‘ah, *Senjata Syariat* (Pulau Pinang: Haji Harun bin Mohamad, t.t.).
- Ahmad bin Muhammad bin Zain al-Fatani, *Hadiqah al-Azhar wa al-Rayahin fi Manaqib al-Akhyar wa Akhbar al-Salihin* (Pulau Pinang: Persama Press, t.t.).
- Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani, *Faridah al-Fara‘id fi ‘Ilm al-‘Aq‘id* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniah, 2007).
- Ahmad Khatib bin Abdul Latif al-Minagkabawi, *Risalah al-Khittah al-Mardiyyah fi Radd Shubuhah man Qala Bid‘ah al-Talaffuz bi al-Niyyah* (Kuala Lumpur: Khazanah al-Fattaniyyah, 2006).
- Al-Faruqi, Ismail, *Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan* (Herndon: International Institute of Islamic Thought, 1982).
- Cik bin Ahmad al-Qadahi, *Sullam al-Sibyan* (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘arif, t.t.).
- Daud bin Abdullah al-Fatani, *al-Jawahir al-Saniyyah fi Sharh al-‘Aqa‘id al-Diniyyah wa Ahkam al-Fiqh al-Mardiyyah wa Tariq al-Suluk al-Muhammadiyyah* (Singapura: Pustaka Nasional, t.t.).
- Dawud bin Abdullah al-Fatani, *al-Durr al-Thamin* (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘arif, t.t.).
- Harun bin Muhammad al-Samadi, *Senjata Syariat Pakaian Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah – Memerangkan Khurafat dan Mubtadi‘ah* (Pulau Pinang: Hj Harun bin Mohamad, t.t.).
- Husain Nasir bin Tayyib al-Banjari, *Hidayah al-Mutafakkirin* (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘arif, t.t.).
- Ismail Bakar, *Sejarah Tamadun Islam* (Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999).

- Ismail bin Ahmad bin Muhammad Soleh al-Tatani al-Langgori, *Minhaj al-Salimin fi Tariqah al-Mutaqaddimin* (Fatani: Sharikat al-Tiba‘ah al-Fataniyyah al-Muttaqidah, 1960).
- Ismail bin Ahmad, *Minhaj al-Salimin fi Tariqah al-Mutaqaddimin* (Kaherah: Sharikah al-Tiba‘ah al-Fanniyyah al-Muttaqidah, 1962).
- Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama’ Semenanjung Tanah Melayu* (2) (Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2007).
- Lugo, Luis, et al., *The Future of The Global Muslim Population: Projections for 2010-2030* (Washington: Pew Research Center’s Forum on Religion and Public Life, 2011).
- Masyhurah Mohamad Rawi et al., “Institusi Pondok dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia,” *Proceeding The 7th International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Education and Civilization* (Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).
- Muhammad Ali bin Abdul Rahman Kuton al-Kelantani, *Zahrat al-Murid fi ‘Aqa’id al-Tawhid* (Patani: Matba‘ah Bin Halabi, 2000).
- Muhammad Arsyad al-Banjari, *Tuhfah al-Raghabin fi Bayan Haqiqah Iman al-Mu’mimin wa Ma Yufsiduhu min Riddah al-Murtaddin* (Thailand: Matba‘ah Bin Halabi, t.t.).
- Muhammad Arsyad bin Muhammad Tasin al-Banjari, *Risalah* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2005).
- Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, *Matla‘ al-Badrayn wa Majma‘ al-Bahrayn* (Bangkok: Maktabah wa Matba‘ah Muhammad al-Nahdi wa Awladih, t.t.).
- Muhammad Mukhtar bin Utarid al-Buqrui, *Usul al-Din I’tiqad Ahli al-Sunnah wa al-Jama‘ah* (Pulau Pinang: Percetakan Nahdi, t.t.).
- Muhammad Syafi‘i bin Abdullah, *Pelita Penuntut* (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘arif, t.t.).
- Muhammad Zain bin al-Faqih Jalaluddin al-Asyi, *Bidayah al-Hidayah Sharh Matn Umm al-Barahein* (Bangkok: Maktabah wa Matba‘ah Muhammad al-Nahdi wa Awladih, t.t.).
- Muhammad Zainuddin al-Badawi al-Sambawi, *Minhaj al-Salam* (t.p.: Maktabah wa Matba‘ah Muhammad al-Huda wa Awladih, t.t.).

- Nabir Abdullah, “Pondok Education As Indigenous Education” (Kertas Kerja Seminar on Education and Development, 18-20 November 1983, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang).
- Nornajihan Jaafar *et al.*, “Cabaran Institusi Pendidikan Pondok serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar,” *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 2:6 (2017).
- Sultan Alauddin Sulaiman Syah, *Pohon Agama* (Kuala Lumpur: Khazanah al-Fathaniyah, 2005).
- Uthman Jalaluddin bin Muhammad, *al-Durrah al-Nafi ‘ah fi Ashrat al-Sa ‘ah* (Pulau Pinang: Zi United Press, t.t.).
- Uthman Jalaluddin bin Muhammad, *Matali ‘al-Anwar wa Majami‘ al-Azhar* (Patani: Kedai Kitab Ihya’ ‘Ulum al-Din, t.t.).
- Wan Hussein @ Azmi Abd Kadir, “Pendidikan Pondok dan Penyediaan Tenaga Ulama,” dalam Ismail Ab Rahman *et al.* (ed.), *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan* (Kuala Terengganu: Kolej Sultan Zainal Abidin, 1993).
- Wan Ismail bin Abdul Qadir bin Mustafa al-Fatani, *Sharh Bakurah al-Amani li Isharah ‘Awam Ahli al-Fatani* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2000).
- Wan Mohd Saghir Abdullah, “Sistem Pengajian Pondok di Nusantara,” (Kertas Kerja Forum Pendidikan Ilmu Tradisi di Nusantara Dunia Melayu, Pesta Buku Antarabangsa, PWTC, 26 Mac 2006).
- Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani, *‘Aqidah al-Najin fi ‘Ilm Usul al-Din* (Kota Bharu: Bin Halabi Press, t.t.).